

Terkejut laman tenggelam

MELAKA: “Kurang setengah jam ketika kami cuba menyelamatkan barangan, air naik secara perlahan memasuki rumah semalam (kelmarin),” kata Saripah Mat, 56, sebahagian daripada 186 mangsa banjir di Kilometer 16, Kampung Krubong, di sini, yang kini ditempatkan di pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan Krubong, awal pagi semalam.

Menurutnya, dia yang pulang selepas membantu anaknya berniaga di Stadium Hang Jebat, kira-kira jam 8.30 malam kelmarin terkejut apabila mendapati halaman rumahnya ditenggelami air kira-kira 0.3 meter.

“Hujan lebat sebelah pagi



BAHAYA - Kanak-kanak bermain air banjir di Kampung Krubong.

menyebabkan air sungai meningkat mendadak dan penduduk mula berjaga-jaga kerana khuatir dilanda banjir.

“Bagaimanapun, ketika mengemas barang untuk di-

selamatkan, penjaga kolam takungan banjir bersebelahan rumah memaklumkan benteng kolam itu pecah dan kami diminta berpindah,” katanya ketika ditemui, semalam